

## BAB III

### PENGENALAN TAMADUN

#### 3.1 PENDAHULUAN

Tamadun manusia meliputi seluruh aktiviti kemanusiaan sama ada material ataupun spiritual. Pandangan berkaitan tamadun sering diperkatakan dan dibahaskan di pelbagai media termasuklah media cetak dan elektronik. Apa yang lebih memberansangkan lagi perbincangan ini meliputi seluruh penduduk dunia sama ada Timur ataupun Barat.

Tamadun manusia jelas sentiasa berkembang dan semakin maju seiring dengan perkembangan pemikiran manusia itu sendiri. Perkembangan inilah yang melahirkan pelbagai pandangan dan pendapat berkaitan dengan tamadun kemanusiaan ini.

#### 3.2 PENGERTIAN TAMADUN

Perkataan tamadun di dalam bahasa Melayu diambil daripada beberapa perkataan Arab seperti *maddana*, *'umran*, *hadarah*, *madaniyyah* dan beberapa perkataan lain. Tetapi tamadun lebih popular dan meluas digunakan di dalam dunia Islam.

Etimologi perkataan tamadun berasal dari perkataan Arab *tamaddun* yang berakar umbi dari perkataan *maddana* yang bererti :

1. membangunkan atau memajukan [bandar].
2. menjadikan atau mengubah [seseorang yang berkelakuan 'kekampungan'] kepada kelakuan 'kebandaran' atau 'kepekanan'<sup>21</sup>

Mengikut Kamus Dewan Bahasa (1991), perkataan tamadun membawa kepada empat maksud :

1. keadaan masyarakat manusia yang dicirikan oleh atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, politik dan lain-lain) yang tinggi, peradaban.
2. negara dan penduduknya yang telah mencapai taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran (sosial, budaya, politik dan lain-lain) yang tinggi, peradaban.
3. budaya atau cara hidup orang-orang (negara, kawasan atau sesuatu zaman) tertentu, peradaban.
4. keadaan pemikiran (budaya dan moral) yang halus, peradaban.<sup>22</sup>

Ringkasnya istilah tamadun adalah berkisar tentang kemajuan dan perkembangan kegiatan manusia yang meliputi sosial, politik, ekonomi, agama dan seluruh kegiatan manusia.

---

<sup>21</sup> Mohamad Taha (1994), "Pengenalan Tamadun Islam", *Islam, Al-Qur'an dan Ideologi Masa Kini*, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 10, lihat Ibrahim Mustafa dan rakan-rakan (1972), *Al-Mu'jam al-Wasit*, Al-Maktabat al-Islamiyyah, Turki, h. 859

<sup>22</sup> Kamus Dewan m.s. 1274

### 3.3 PANDANGAN SARJANA MENGENAI PENGERTIAN TAMADUN

Apabila membicarakan berkaitan dengan pandangan mengenai tamadun kita akan melihat kepada dua pihak yang besar iaitu Timur (Islam) dan Barat (Eropah). Di antara pendapat yang masyhur seperti Ibnu Khaldun (*Tarikh Al-'Allamah Ibnu Khaldun*), Dr. Muhammad al-Bahi (*Al-Din wa Al-Hadarat Al-Insani*), Prof. Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas (Islam : Fahaman Agama dan Asas Akhlak), M.A.J. Beg (*Islam dan Western Concept of Civilization*), Darcy Rebeiro (*The Civilizational Process*), Arnold Toynbee (*A Study of History*), Clive Bell (*Civilization and Old Friends*) dan David Rodnick (*An Introduction To Man And His Development*) dan ramai lagi sarjana yang membincangkan tentang *civilization* berdasarkan kepada pandangan dan pendapat masing-masing.

Sejarawan Islam terkenal Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimah Ibnu Khaldun* menyebutkan bahawa tamadun ini adalah beberapa keadaan dan peristiwa biasa yang melebihi dari patut, terbit dari peristiwa-peristiwa pembangunan dan tamadun mungkin bertambah dengan bertambahnya kemajuan.<sup>23</sup>

Selain daripada itu, beliau sering menggunakan tamadun dengan istilah *'umran* dalam penulisan beliau bagi memerihalkan tamadun. *'Umran* merujuk kepada kawasan tanah atau rumah yang didiami, diduduki orang, tinggal menetap, segolongan penduduk yang menetap dan seumpamanya, dalam satu keadaan

---

<sup>23</sup> Ibn Khaldun, Abd. Rahman Ibn Khaldun (1960), *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, Dar al-Kutub al-Arabiyah, Qahirah, h. 17

berkembang subur lagi makmur, oleh merupakan pemulihan dari keadaan kering tandus atau terbiar.<sup>24</sup>

Manakala Dr. Muhammad Al-Bahi menyebutkan dalam *Al-Din wa Al-Hadarat al-Insaniah*, tamadun adalah setiap penghasilan atau produktiviti yang menggambarkan keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, ilmu pengetahuan, kesenian, kesusasteraan dan lain-lain.<sup>25</sup>

Prof. Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas dalam bukunya *Islam : Fahaman Agama dan Asas Akhlak*, memberikan penjelasan berkaitan tamadun dengan maksud keadaan kehidupan insan yang bermasyarakat yang telah mencapai taraf tatasusila dan kebudayaan yang luhur bagi seluruh masyarakat.<sup>26</sup>

Seorang lagi sarjana Islam iaitu M.A.J. Beg atau nama penuhnya Dr. Muhammad Abdul Jabar Beg mengemukakan tamadun sebagai pencapaian manusia dalam bentuk kota, skrip, kesenian, seni bina, agama, undang-undang dan politik.<sup>27</sup>

Manakala pandangan sarjana Barat tidak jauh bezanya dengan pandangan sarjana Islam. Di antaranya adalah Darcy Rebeiro menyebutkan dalam bukunya *The Civilizational Process*, maksud tamadun adalah proses dan perkembangan bandar sebagai pusat perkembangan tamadun, yang mempengaruhi kawasan

---

<sup>24</sup> Dr. Muhammad Abdul Jabar Beg (1980), *Islam dan Western Concept of Civilization*, The University of Malaya Press, Kuala Lumpur, h. 13

<sup>25</sup> Al-Bahi, Muhammad (1974), *Al-Din wa Al-Hadarat al-Insaniah*, Dar al-Fikr, Beirut, h. 52

<sup>26</sup> Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1977), *Islam : Fahaman Agama dan Asas Akhlak*, ABIM, Kuala Lumpur, h. 7

<sup>27</sup> Dr. Muhammad Abdul Jabar Beg (1980), *Islam dan Western : Concept of Civilization*, The University of Malaya Press, Kuala Lumpur, h. 13

sekitarnya dibawahnya dominasi politik dan ekonomi serta pengaruh-pengaruh kebudayaan.<sup>28</sup>

Pandangan kedua adalah daripada Clive Bell menyatakan tamadun merupakan kayu ukur yang dapat menyukat atau menentukan tahap sesebuah tamadun.<sup>29</sup>

Daripada apa yang dikemukakan oleh para sarjana di atas, nyatalah bahawa adalah sukar bagi kita untuk berpegang kepada satu takrif tamadun yang boleh diterima oleh semua pihak. Justeru, pandangan para sarjana Barat dan Islam nampaknya bersetuju bahawa tamadun yang mengandungi erti kemajuan kebendaan dan kemajuan pemikiran.

Perbezaannya hanya dari segi penekanannya, di mana golongan materialis akan melihat dari sudut kebendaan sebagai pengukuran tamadun dan golongan kerohanian pula akan menumpukan perhatian kepada aspek kerohanian.

### **3.4 SIFAT ATAU CIRI-CIRI TAMADUN**

Selari dengan pengertian tamadun yang dilihat menerusi pandangan para sarjana Islam dan Barat, begitulah juga keadaannya dengan sifat dan ciri-ciri tamadun.

---

<sup>28</sup> Rebeiro, Darcy (1968), *The Civilizational Process*, Smithsonian Institution Press, City of Washington, h. 16 - 17

<sup>29</sup> Bell, Clive (1973), *Civilization and Old Friends*, The University of Chicago Press, Chicago and London, h. 34

Dari perspektif Islam, semua perkara yang tidak menyeleweng dan tidak haram adalah 'Islamic'. Oleh itu segala kemajuan yang tidak bertentangan dengan Islam adalah sebahagian daripada tamadun Islam. Tegasnya, segala pembangunan kebendaan dan kerohanian yang dimajukan oleh umat Islam dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam boleh dikatakan sebagai kemajuan Islam.

M.A.J Beg menyatakan bahawa nilai-nilai tamadun Islam sesuai dengan fitrah semulajadi manusia. Naluri setiap manusia walau apapun agamanya, sukakan sifat-sifat amanah, lemah lembut, tegas, suka tolong menolong, murah hati. Sebaliknya hati kecilnya tetap bencikan orang yang mencuri, berzina, memfitnah, merompak dan sebagainya yang dikutuk oleh Islam.<sup>30</sup>

Nilai baik dan buruk itu telah disesuaikan dengan kita oleh Pencipta kita. Penyesuaian ini jauh lebih tepat dari apa yang boleh dilakukan oleh seseorang pencipta kereta terhadap ciptaannya yang agak ringkas dan mudah memerlukan kepada buku panduan. Apatah lagi kita yang dicipta sebegini rupa sudah pasti memerlukan buku panduan yang khas dari Pencipta kita. Maka disinilah timbulnya keperluan kepada Al-Qur'an, yang dijelaskan oleh Al-Sunnah, sebagai penggaris nilai-nilai tersebut.

Prof. Jamal al-Din Surur menyatakan di dalam bukunya *Tarikh al-Hadarat al-Islamiyah fi al-Sharq* berkenaan dengan katamadunan Arab yang wujud memfokuskan kepada empat topik penting yang dibincangkan di dalamnya :

---

<sup>30</sup> Mohamad Taha (1994), "Pengenalan Tamadun Islam", *Islam, Al-Qur'an dan Ideologi Masa Kini*, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 14 - 15 .

1. Negara Islam dan kerajaannya seperti Kerajaan Abbasid, Saffarid, Hamadanid, Buwaihid dan sebagainya.
2. Perkembangan ekonomi di Timur Tengah terutamanya kegiatan pertanian, perdagangan dan perindustrian.
3. Kehidupan sosial termasuklah muzik dan nyanyian.
4. Perkembangan dan kemajuan intelek seperti yang berlaku di Iraq, Syria, Egypt dan sebagainya.<sup>31</sup>

Kesimpulannya sifat dan ciri-ciri tamadun Islam yang dikemukakan oleh para sarjana Islam adalah berkisar tentang perkaitan berikut :

1. Negara Islam ataupun pemerintahan dan kesultanan.
2. Perbandaran Islam
3. Perkembangan ekonomi Islam
4. Kehidupan sosial
5. Bangunan dan seni bina Islam.
6. Kesenian Islam seperti muzik, nyanyian, senilukis dan sebagainya.

Ramai dikalangan sarjana dan sejarawan Barat menganggap, asas kepada wujudnya tamadun ialah terdapatnya "kehidupan kota, seni bina berupa tugu-tugu peringatan dan suatu sistem rekod pandang lihat berasaskan nota bertulis". Setengah pengkaji menyatakan dalam pengertian yang lain "tamadun tidak boleh wujud tanpa suatu sistem tulisan atau suatu sistem tulisan tidak boleh wujud melainkan dalam sebuah tamadun".

---

<sup>31</sup> Muhammad Jamal al-Din Surur (1965), *Tarikh al-Hadarat al-Islamiyah fi al-Sharq*, Dar al-Fikr al-Arabi, Kaheerah.

Collin Renfrew di dalam bukunya *Before Civilization* berpendapat bahawa kelahiran sesuatu tamadun bergantung kepada kewujudan kota, tugu peringatan, tempat beribadat dan tulisan.<sup>32</sup>

Darcy Rebeiro dalam bukunya *The Civilised Process* memberikan sembilan ciri tamadun yang masih berada dalam proses perkembangan iaitu :

1. berakhirnya corak hidup nomad dengan penciptaan alat-alat baru dalam pertanian.
2. bermula penternakan dan pembahagian kerja berasaskan kumpulan.
3. pertumbuhan kota dan negara, wujud status sosial, menggunakan sistem pengairan untuk pertanian, penggunaan peralatan tembaga dan gangsa serta wujud sistem tulisan, angka dan kalender.
4. penggunaan sistem pengairan secara meluas.
5. penciptaan berteknologi daripada besi, pengeluaran alat-alat baru, perkapalan dan penggunaan wang syiling untuk memudahkan perdagangan.
6. revolusi penternakan.
7. revolusi perdagangan.
8. revolusi teknologi.
9. revolusi industri.<sup>33</sup>

Ada pengkaji lain menyarankan bahawa "untuk sebuah masyarakat itu bertamadun mestilah mempunyai unsur-unsur berikut: bandar-bandar

---

<sup>32</sup> Collin Renfrew (1972), *Before Civilization*, The Chaucer Press Ltd. United Kingdom, h. 212

<sup>33</sup> Rebeiro, Darcy (1968), *The Civilizational Process*, Smithsonian Institution Press, City of Washington, h. 16 - 17



berpenduduk 5, 000 orang ke atas, bahasa bertulis dan pusat-pusat upacara peringatan".<sup>34</sup>

Jelas daripada keterangan-keterangan di atas bahawa kebanyakan para pengkaji Barat membataskan ciri-ciri dan sifat-sifat tamadun itu dari aspek kemajuan atau kejayaan yang dicapai oleh sesuatu masyarakat atau sesuatu bangsa dalam aspek-aspek pembangunan material yang dicerminkan oleh munculnya kota-kota yang didirikan dan kemudahan yang terdapat di dalamnya.

Sebahagian dari penulis dan sarjana Islam ketika membincangkan pengertian tamadun terutamanya apabila dikaitkan dengan tamadun Islam tidak membataskan ciri-ciri atau sifat-sifat tamadun itu semata-mata dalam aspek pembangunan atau kemajuan material, malah merangkumkan aspek pembangunan kerohanian dan moral.

Perubahan yang paling ketara adalah dari segi akidah yang berasaskan iman kepada Allah s.w.t dan tiada sekutu bagiNya. Keimanan kepada Allah ini telah membebaskan dari penyembahan berhala dan pemujaan kepada manusia dan sebagainya, kerana Islam telah menyemai dan menanam dalam jiwa orang-orang Islam bahawa tiada yang wajar dipuja, ditakut dan disembah kecuali Allah s.w.t.

Berdasarkan kepada beberapa pandangan yang telah dikemukakan dapat dirumuskan bahawa tamadun merupakan satu konsep yang luas dan kompleks. Ia merujuk kepada pencapaian sesuatu masyarakat atau negara dalam bidang

---

<sup>34</sup> Osman Hj. Khalid (1994), " Takrif Tamadun dan Prinsip-prinsip Tamadun Islam", *Islam, Al-Qur'ān dan Ideologi Masa Kini*, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 3 .

pengetahuan, pentadbiran, undang-undang, kepercayaan agama, kesenian, perbandaran, sistem tulisan, moral dan adat resam.

### **3.5 LATAR BELAKANG TAMADUN-TAMADUN AWAL DI DUNIA**

Melihat kepada sejarah tamadun, kebanyakannya datang dari Lembah Sungai Tigris dan Euphrates di Mesopotamia, Sungai Nil di Mesir, Sungai Indus di India dan Sungai Hwang Ho di China. Keempat-empat tamadun awal ini dikatakan mempunyai organisasi politik, agama dan kepercayaan yang tersusun, serta sistem sosioekonomi, komunikasi, penulisan dan kemahiran khusus yang lengkap.

Di antara tamadun yang terawal yang dicatatkan dalam sejarah tamadun dunia adalah Mesopotamia, Mesir, India, China, Arab, Eropah dan Melayu.

#### **3.5.1 Tamadun Mesopotamia.**

Tamadun Mesopotamia adalah tamadun terawal di dunia. Perkataan Mesopotamia berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud 'tanah di antara sungai'. Ia merujuk kepada kawasan yang terletak di antara Sungai Tigris dan Euphrates. Tamadun ini meliputi kawasan seluas 130 000 batu persegi.

Tamadun ini berkembang sekitar tahun 3500 S.M. hingga 3000 tahun kemudian. Ianya diasaskan oleh orang-orang Sumeria dan juga satu lagi bangsa iaitu Semitik. Mesopotamia juga menjadi tumpuan suku-suku kaum lain seperti Guti, Kassite dan Hurrian. Akibat tempat ini menjadi tumpuan pelbagai suku

kaum, maka ia melahirkan satu tamadun yang kompleks yang dinamakan sebagai Tamadun Sumero-Assyro-Babylonia.

Di antara perkembangan tamadun yang berlaku disepanjang perjalanan sejarah tamadun ini adalah pertumbuhan bandar seperti Ur, Uruk, Nippur, Agade, Babylon, Assur dan Nineveh yang memainkan peranan sebagai pusat ekonomi, politik dan budaya.<sup>35</sup>

### 3.5.2 Tamadun Mesir

Tamadun Mesir juga merupakan salah satu daripada tamadun yang terawal di dunia. Tamadun ini lahir di tebing Sungai Nil yang amat subur dan sesuai untuk kegiatan pertanian.

Sungai yang diasaskan oleh dua batang sungai iaitu Nil Biru dan Nil Putih yang berasal dari Tasik Tana di tanah tinggi Ethiopia dan Tasik Alberta di Pergunungan Abyssinia di Uganda. Kedua-dua cabang sungai ini bertemu bagi membentuk Nil sebenar yang mengalir sejauh 4 062 batu ke arah utara melalui Mesir dan berakhir di Laut Mediterranean.<sup>36</sup>

Melihat sejarah perkembangan tamadun Mesir ini, di antara sumbangan ketamadunan yang disumbangkan oleh tamadun ini seperti perkembangan kegiatan pertanian kerana tamadun ini lahir di tebing sungai yang amat subur iaitu Sungai Nil.

---

<sup>35</sup> Sivachandralingam Sundra Raja dan Ayadurai Letchumanan (1999), *Tamadun Dunia*, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam, h. xiii.

<sup>36</sup> Ibid, h. xiv

Selain daripada kegiatan pertanian, sistem politik yang lebih baik dari tamadun Mesopotamia. Mesir terkenal dengan pemerintah-pemerintahnya iaitu Firaun (Pharoah) yang memerintah 31 buah dinasti.<sup>37</sup>

### 3.5.3 Tamadun Indus

Tamadun ini wujud di Lembah Sungai Indus. Tamadun yang terawal di India ini bermula pada tahun 2350 S.M. dan berakhir pada tahun 1750 S.M. Tamadun ini terkenal dengan dua Negara kotanya iaitu Mohenjo-Daro dan Harappa dan lebih daripada 70 buah petempatan yang meliputi 500 000 batu persegi.<sup>38</sup>

Tamadun ini mengalami beberapa peristiwa pembinaan empayar dan keruntuhannya. Tamadun yang terkenal dengan perkembangan agama Hindu ini berkembang dengan terbinanya beberapa kerajaan kecil. Ini adalah suatu sumbangan dalam bidang pembinaan negara iaitu salah satu unsur tamadun.

Selain daripada itu, berlakunya perluasan kuasa, perkembangan yang pesat dalam bidang kesenian, kesusasteraan, sains dan matematik.

### 3.5.4 Tamadun China

Tamadun ini dikatakan wujud sejak 2000 S.M. yang bermula dengan Dinasti Chin yang berasal dari kebudayaan Neolitik Lembah Sungai Kuning. Ada pendapat lain yang mengatakan tamadun ini bermula dengan Dinasti Shang.

---

<sup>37</sup> Ibid, h. xiv

<sup>38</sup> Ibid, h. xvi

Perluasan kuasa berlaku di sepanjang sejarah tamadun ini, perkembangan agama Buddha dan juga perkembangan dan kepesatan perdagangan industri dan perdagangan maritim. Selain daripada itu, kegemilangan kesusasteraan dan kesenian.

Tamadun-tamadun yang awal manusia ini yang dilihat berkembang seiring dengan perkembangan pemikiran, peradaban, pemikiran manusia. Secara keseluruhannya, kita melihat bahawa tamadun-tamadun ini adalah membangun dengan kegiatan manusia sama ada pembangunan ekonomi, politik dan pentadbiran, pembangunan bandar, kegiatan pertanian, kesusasteraan dan kesenian serta perkembangan agama dan ilmu pengetahuan.

Maka inilah yang telah dikemukakan oleh seluruh para sarjana sama ada Barat atau Islam, berdasarkan persepsi dan sudut pandangan yang berbeza. Justeru, tamadun-tamadun yang dibincangkan adalah berkaitan dengan pembangunan dan perkembangan dari segi material dan spiritual yang mewarnai kehidupan manusia di sepanjang perkembangan tamadun manusia.

### **3.6 KESIMPULAN**

Melihat kepada keseluruhan peringkat tamadun manusia daripada permulaannya sehinggalah kini perkembangannya semakin pesat. Ini berlaku adalah disebabkan terjadinya perkembangan pemikiran dan intelek yang dilalui oleh manusia.

Dengan perkembangan pemikiran manusia ini, mereka mampu untuk mencipta dan mereka sesuatu yang dikaitkan dengan perkembangan tamadun. Jelaslah berdasarkan kepada pengertian dan pendapat para sarjana Islam dan Barat, maka perkembangan tamadun kini berlaku dan tidak akan terhenti selagi agen utama tamadun iaitu manusia berada di atas muka bumi ini.